



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROSES REFORMASI MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) meneruskan usaha untuk melaksanakan reformasi ke atas Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) dan Mahkamah Buruh. Proses reformasi ini akan memfokuskan kepada usaha untuk memendekkan masa proses pengadilan, mengurangkan kes-kes tertunggak serta menambah baik fasiliti dan kemudahan di kedua-dua mahkamah.

Bagi menyokong proses ini, KESUMA telah melantik semula dua (2) orang Pengerusi yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang iaitu;

YA Tuan Jeyaseelan a/l T. Anthony, 53 tahun
YA Puan Vanithamany a/p Sivalingam, 51 tahun

Selain itu, KESUMA turut melantik seorang (1) Pengerusi baharu iaitu **YA Tuan Arun Kumar a/l S Kanessin**. Beliau merupakan Pengerusi termuda yang dilantik di dalam barisan Pengerusi MPM kali ini. Berusia 45 tahun, YA Tuan Arun juga berpengalaman luas di dalam mengendalikan kes-kes di Mahkamah Perusahaan. Beliau berkelulusan Sarjana Undang-Undang (Master of Law) dari Universiti Malaya, dengan 17 tahun pengalaman di dalam bidang perundangan. Pelantikan 3 orang Pengerusi ini akan melengkapkan pengisian bagi jawatan Pengerusi di Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Bermula tahun 2025, MPM akan melaksanakan “Industrial Relations Law Lecture” (IRLL) yang melibatkan kuliah perkongsian ilmu daripada tenaga pengajar dan pakar-pakar dari ILO, pengamal undang-undang serta pengamal sumber manusia yang profesional berkenaan undang-undang perburuhan.

Pemegang-pemegang taruh KESUMA seperti pekerja-pekerja industri, majikan, kesatuan sekerja pekerja/majikan dan pengamal undang-undang/sumber manusia bakal memperoleh manfaat melalui pelaksanaan IRLL ini.

MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
16 OKTOBER 2024